

HUBUNGAN ANTARA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P), KEPERIBADIAN SERTA KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DENGAN MOTIVASI PELAJAR

Noor Fadhlina Nawawi
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

Suggested Citation:

Nawawi, N. F. & Jasmi, K. A. (2013). Hubungan antara Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Keperibadian serta Kemahiran Guru Pendidikan Islam dengan Motivasi Pelajar (The relationship between teaching and learning, personality, and skills between Islamic Education Teacher and Student Motivation) in *Prosiding Seminar Pasca Siswazah Pertama, Fakulti Tamadun Islam (Proceedings of the First Postgraduate Seminar, Faculty of Islamic Civilization)* at The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 26 Jun 2013, pp. 77-98. ISBN: 978-967-0194-28-8.

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pengajaran dan pembelajaran, keperibadian dan kemahiran Guru Pendidikan Islam (GPI) serta tahap motivasi pelajar-pelajar dibawab penyeliaan mereka. Selain itu kajian ini juga ingin melihat hubungan antara pengajaran dan pembelajaran, keperibadian dan kemahiran GPI dengan motivasi pelajar. Kajian ini melibatkan seramai 381 orangpelajar di peringkat sekolah menengah rendah dibawab penyeliaan GPI tersebut yang telah dipilih sebagai responden kajian melalui kaedah persampelan berkelompok dan persampelan bertujuan. Satu instrumen soal selidik yang telah disahkan kandungannya oleh pakar digunakan untuk mengutip data kajian. Tahap nilai Alfa Croanbach yang diperolehi bagi semua instrument adalah tinggi (> 0.8). Data kajian ini telah di analisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian SPSS 20.0. Hasil dapatan data deskriptifmenunjukkan tahap pengajaran dan pembelajaran, keperibadian dan kemahiran GPI berada pada tahap tinggi, serta tahap motivasi pelajar juga berada pada tahap tinggi, Manakala dapatan data inferensi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran dan pembelajaran, keperibadian dan kemahiran GPI dengan motivasi pelajar.

REFERENCES

- Ab. Halim Tamuri *et al.*, 2004; Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: UKM
- Abdull Sukor Shaari. 2008, *Guru Berkesan Petua dan Panduan*, Sintok, penerbit UUM.
- Ahmad Mohd Salleh, 2008, *Pengajian Agama Islam &J-QafMetodologi dan Pedagogi Pendidikan*, Selangor : Oxford Fajar
- Al- Ghazali imam Abu Hamid. t.th. *Ihya' ulum al- din*. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategipembelajaran penagturan kendiripendidikan islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis doktor falsafah, UKM
- Baharom Mohammad & Iliyas Hashim, 2011. *Bagaimana Memotivasi Pelajar*, cetakan kedua, kuala lumpur, PTS
- Dunkin M. J. dan Biddle B. J. 1974. *The Study of Teaching*. New York: Holt, Renshart and Winston
- Fathi Yakan, 2008 *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, Selangor, Dewan Pustaka Fajar
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid dan Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor. 2008. *Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran*. Seminar Kaunseling Keluarga, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

- Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003. *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Skudai Johor: Penerbit UTM
- Kamarul Azmi Jasmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor: Penerbit UTM
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2009. *Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar*. Jurnal Teknologi 51(E): 57-71
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Journal of Islamic & Arabic Education 3(1), 59-74
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis doktor falsafah, UKM.
- Lucas S. G. dan Bernstein D. A. 2005. *Teaching Psychology A Step By Step Guide*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates
- Luqmanul Hakim Abd. Rahman. 2009. *Siri Pendidikan Anak-anak (siri 6)*. Majlis Agama Islam Johor.
- Mohd Arif Ismail, Paridon Sahid dan Rosnaini Mahmud. 2007. *Integrasi ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran : Isu dan Cabaran Ke Arab Pendidikan Bertaraf Dunia*. Norlena Salamuddin et al. (pnyt.) dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga : Dasar dan Pelaksanaan Ke Arah Pengukuhan Hala Tuju Dasar Pendidikan Negara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia: 227- 232
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri dan Shafee Mohd Daud 2010: *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*, Selangor, Utusan Publications
- Mohd Shatar Sabran, Jasni Sabri dan Azali Mohamed. 2006. *Tip Pendidik Cemerlang*. Selangor, Utusan Publications.
- Nasih Ulwan. Abdullah. 2000. *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam. Jld. 1-3*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ting dan Wong Kiet Wah 2010. *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru (Siri Pendidikan Guru)*, Fajar,
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar 2009, *Amalan Pengajaran Berkesan (Siri Pendidikan Guru)*, Shah Alam
- Ratna Roshida Abd. Razak dan Nik Haslinda Nik Hussain. 2007. Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. Jurnal Kemanusiaan, bil. 9
- Rohani Arbaa, Hazril Jamil dan Nordin Abd. Razak. 2010. Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar : Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?. Jurnal Pendidikan Malaysia 35(2): 61-69
- Salasiah Hanin Harnjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit dan Ermy Azziaty Rozali. 2010. Methods of Increasing Learning Motivation Among Students. Procedia Social And Behavioral Sciences 18: 138-148
- Sivakumar a/1 Balakrishnan. 2009. Kualiti Pengajaran Guru Lulusan PKPG dan Space UTM dalam Matapelajaran KHB di Sekolah Menengah Negeri Johor. Tesis Sarjana, UTM
- Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. 2010. *Guru dan Cabaran Semasa*. Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Wan Ismail Wan Dagang. 2009. Hubungan antara Pelaksanaan Ibadah Solat dan Kecerdasan Emosi dengan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian di dalam Satu Sekolah di Daerah Segamat. Tesis Sarjana. UTM



HUBUNGAN ANTARA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P), KEPERIBADIAN DAN KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DENGAN MOTIVASI PELAJAR

(Peringkat Pemantapan)

Noor Fadhlina Nawawi
Kamarul Azmi Jasmi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pengajaran dan pembelajaran, keperibadian dan kemahiran Guru Pendidikan Islam (GPI) serta tahap motivasi pelajar-pelajar dibawah penyeliaan mereka. Selain itu kajian ini juga ingin melihat hubungan antara pengajaran dan pembelajaran, keperibadian dan kemahiran GPI dengan motivasi pelajar. Kajian ini melibatkan seramai 381 orang pelajar di peringkat sekolah menengah rendah dibawah penyeliaan GPI tersebut yang telah dipilih sebagai responden kajian melalui kaedah persampelan berkelompok dan persampelan bertujuan. Satu instrumen soal selidik yang telah disahkan kandungannya oleh pakar digunakan untuk mengutip data kajian. Tahap nilai Alfa Croanbach yang diperolehi bagi semua instrument adalah tinggi (> 0.8). Data kajian ini telah di analisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian SPSS 20.0. Hasil dapatan data deskriptif menunjukkan tahap pengajaran dan pembelajaran, keperibadian dan kemahiran GPI berada pada tahap tinggi, serta tahap motivasi pelajar juga berada pada tahap tinggi. Manakala dapatan data inferensi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran dan pembelajaran, keperibadian dan kemahiran GPI dengan motivasi pelajar.

Kata Kunci : *Guru Pendidikan Islam (GPI), P&P, Keperibadian, Kemahiran, Motivasi Pelajar.*

PENGENALAN

Kelompok individu masyarakat merupakan komponen penting dalam pembangunan sesebuah negara (Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain, 2007). Pelbagai usaha dan strategi yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam membangunkan masyarakat telah memberi fokus terhadap pembangunan individu masyarakat. Dalam mencapai matlamat dan tujuan pembangunan individu masyarakat ini, kerajaan telah mengambil inisiatif membangunkan modal insan rakyat dengan memberi perhatian terhadap pelbagai aspek antaranya ialah dengan memberikan pendidikan kepada setiap individu, keadaan dan status ekonomi sesebuah masyarakat, sistem kekeluargaan yang lebih utuh dan mantap, budaya masyarakat yang bermutu, pembangunan agama sesebuah masyarakat.

Justeru itu, semua aspek yang ingin dibangunkan sebenarnya bermula dengan pendidikan yang terancang dan teratur. Hal ini disebabkan melalui pendidikan yang terancang dan teratur kesemua keperluan pembangunan modal insan, ekonomi, keluarga, budaya hidup, dan agama dapat dipertingkatkan dalam masyarakat dan negara (Kamaruzzaman Kamarudin, 2007; Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki Miskon, 2010; Ahmad Mohd Salleh, 2008; Kamarul Azmi Jasmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh, 2007; Luqmanul Hakim Abd. Rahman, 2009; Fathi Yakan, 2008). Seterusnya pendidikan yang terancang dan teratur pula hanya boleh terhasil apabila penggerak kepada pembangunan pendidikan itu, iaitu guru berada pada tahap yang tinggi profesionalismenya dan berkesan. Hal ini bermaksud bahawa pendidikan itu sendiri tidak dapat dibangunkan dan dikembangkan tanpa mempunyai guru-guru yang cemerlang dan berkualiti (Ahmad Mohd Salleh, 2008; Noriati *et al.*, 2010; Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003). Guru-guru inilah yang menjadi pemangkin kepada keberkesanan sesuatu pendidikan yang seterusnya mampu melahirkan insan yang cemerlang dari segenap sudut. Di sini jelaslah bahawa, guru memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Guru

adalah orang yang diharapkan dapat mendidik dan membentuk generasi yang akan datang (Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki Miskon, 2010; Baharom Mohammad & Iliyas Hashim, 2011:153).

LATAR BELAKANG MASALAH

Guru Pendidikan Islam (GPI) amat diharapkan dan diperlukan di sekolah agar matlamat Pendidikan Islam boleh dicapai secara maksimum selain membantu meningkatkan modal insan secara berterusan. Dalam pada masa yang sama GPI juga diharap dapat mendidik, merawat, menyelesaikan isu berkaitan penghayatan nilai, moral, disiplin dan agama di sekolah. Namun begitu masih terdapat GPI yang tidak berkualiti dari segi kualiti modal insan diri dan kualiti pengajaran dan pembelajaran (Ab. Halim Tamuri *et al.*, 2004; Mohd Arif *et. al.*, 2007; Kamarul Azmi Jasmi *et. al.*, 2011; Kamarul Azmi Jasmi 2010) serta ditambah pula dengan permasalahan para pelajar dari segi motivasi, sikap, dan peribadi (Hashim Bedu *et al.*, 2008; Kamarul Azmi Jasmi Jasmi & Siti Fauziyani Md. Saleh, 2007; Baharom Mohammad & Iliyas Hashim, 2011:155).

Semua kajian yang telah dikemukakan ini menunjukkan kepada keperluan yang mendesak untuk mengkaji ciri dan peranan guru sehingga banyak pengkaji tampil membuat kajian tentang guru. Namun kajian yang dijalankan hanya menumpukan kepada aspek yang khusus dan kecil sahaja. Sebagai contohnya kajian yang telah dibuat oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010) hanya menumpukan kepada Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) sahaja yang merupakan sebahagian kecil daripada guru Pendidikan Islam keseluruhan di Malaysia. Selain itu, terdapat juga kajian yang hanya menumpukan atau memberikan penekanan kepada aspek motivasi sahaja (Salasiah Hanin Hamjah *et. al.*, 2010). Oleh itu, perlu ada kajian yang lebih khusus dan menyeluruh tentang guru Pendidikan Islam dan yang menyentuh juga motivasi pelajar dilaksanakan.

Selain itu, kajian yang berkaitan dengan Guru Pendidikan Islam kebanyakannya telah dibuat dengan menuumpu kepada pelajar sekolah menengah atas sahaja, iaitu dalam tingkatan empat dan lima. Hal ini seperti kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri *et. al.* (2004), Azhar Ahmad (2006) dan Kamarul Azmi Jasmi (2010). Justeru, kajian ini cuba pula menfokuskan terhadap pelajar sekolah menengah rendah. Hal ini kerana, proses membentuk dan mendidik ini harus dimulakan dari bawah terutamanya dalam membendung gejala sosial yang sedang melanda ini. Pada tahap sekolah menengah rendah juga, para pelajar telah agak matang untuk memberi penilaian terhadap penyelidikan yang dijalankan (Nasih Ulwan, 2000).

Di samping itu juga, kajian Kamarul Azmi Jasmi (2010) lebih berbentuk kualitatif dan disokong oleh data kuantitatif. Dalam kajian ini aspek kuantitatif hanya mengesahkan keberadaan ciri yang telah dikaji sebelum kajian beliau. Oleh itu, kajian ini pula cuba memfokuskan ciri yang diperolehi daripada teori kajian Kamarul Azmi Jasmi (2010) untuk dinilai ciri tersebut sama ada selaras dengan ciri guru sekolah menengah rendah atau tidak. Berdasarkan keadaan inilah, perlunya pengkajian yang berbentuk kuantitatif sepenuhnya dijalankan sebagaimana dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, terdapat juga kajian berbentuk kuantitatif yang berkaitan dengan kajian ciri guru, tetapi kajian tersebut lebih tertumpu kepada matapelajaran lain sebagaimana kajian Sivakumar (2009) dan Rohani Arbaa *et. al.* (2010). Jika ada kajian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam pun hanya menumpukan kepada bahagian kecil dalam Pendidikan Islam sahaja seperti bahagian tilawah dan solat (Wan Ismail Wan Dagang, 2009).

Justeru, secara ringkas kajian ini akan memfokuskan kepada ciri pengajaran dan pembelajaran, ciri keperibadian, dan ciri kemahiran dan hubungannya dengan motivasi pelajar dengan memfokuskan bentuk kajian kuantitatif sepenuhnya.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif ini adalah bertujuan menjadikan kajian yang dijalankan mencapai matlamat yang telah dibuat. Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- (1) Mengetahui sejauh mana tahap pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam di sekolah
- (2) Mengetahui sejauh mana tahap keperibadian guru Pendidikan Islam di sekolah
- (3) Mengetahui sejauh mana tahap kemahiran guru Pendidikan Islam di sekolah
- (4) Mengetahui sejauh mana tahap motivasi pelajar di bawah penyeliaan guru Pendidikan Islam mereka
- (5) Mengetahui sejauh mana perbezaan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran guru, keperibadian, kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap motivasi pelajar dari segi sekolah, tingkatan, jantina, pendidikan ibu, pendidikan bapa, pendapatan ibu bapa, tahap penghayatan solat, tahap penghayatan bacaan al-Quran, penguasaan pembacaan dan tulisan jawi, dan keputusan peperiksaan akhir tahun yang terakhir.
- (6) Mengetahui hubungan antara pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, kemahiran, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar (BBM) serta tempat pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar.


Bagi mencapai tujuan dan objektif kajian di atas, beberapa persoalan kajian telah dibina, iaitu :

- (1) Bagaimanakah tahap pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam di sekolah?
- (2) Bagaimanakah tahap keperibadian guru Pendidikan Islam di sekolah?
- (3) Bagaimanakah tahap kemahiran guru Pendidikan Islam di sekolah?

- (4) Bagaimanakah tahap motivasi pelajar di bawah penyeliaan guru Pendidikan Islam di sekolah?
- (5) Adakah terdapat perbezaan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran guru, keperibadian, kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap motivasi pelajar dari segi sekolah, tingkatan, jantina, pendidikan ibu, pendidikan bapa, pendapatan ibu bapa, tahap penghayatan solat, tahap penghayatan bacaan al-Quran, penguasaan pembacaan dan tulisan jawi, dan keputusan peperiksaan akhir tahun yang terakhir?
- (6) Adakah terdapat hubungan antara pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, kemahiran, kaedah pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dan tempat pengajaran guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar?

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah bersifat kuantitatif dengan menggunakan instrument soal selidik (survey) yang melibatkan seramai 381 orang pelajar yang menjadi pelajar kepada GPI. Jumlah responden ini menepati jumlah peratusan responden, iaitu sekurang-kurangnya 30 peratus sebagai sampel mewakili keseluruhan populasi. Gambaran tatacara pelaksanaan kajian seperti ditunjukkan dalam rajah di bawah :



Rajah 1 : Tatacara Pelaksanaan Kajian

BATASAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai alat utama pengumpulan data. Bagi memastikan hasil dan matlamat pengumpulan data tercapai, pengkaji telah membuat batasan terhadap responden dan fokus kajian. Batasan dari segi responden ialah dengan hanya memilih pelajar tingkatan satu, dua dan tiga sahaja yang berada di bawah penyeliaan 8 orang guru Pendidikan Islam (GPI) yang telah dikategori dipilih.

Manakala batasan dari segi fokus kajian pula ialah pengkaji hanya menfokuskan soalan soal selidik pada persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran (P&P), keperibadian dan kemahiran guru Pendidikan Islam (GPI) mereka sahaja. Manakala batasan kajian terhadap soal selidik pelajar hanyalah pada tahap motivasi mereka sahaja.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Analisis kajian menggunakan SPSS 20.0. hasil analisis dapatan kajian terdiri daripada aspek, iaitu persepsi pelajar terhadap P&P, keperibadian dan kemahiran GPI serta pandangan pelajar terhadap tahap motivasi mereka (jadual 1-4), perbezaan (jadual 5-6), serta hubungan antara beberapa pemboleh ubah dengan motivasi pelajar (jadual 7),

PERBINCANGAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian ini boleh dibahagikan kepada beberapa 2 bahagian, iaitu dapatan deskriptif dan inferensi. Dapatan data deskriptif bagi menjawab persoalan kajian, iaitu persepsi pelajar terhadap P&P GPI; persepsi pelajar terhadap keperibadian GPI dan persepsi pelajar terhadap kemahiran GPI serta persepsi pelajar terhadap tahap motivasi mereka di dalam kelas GPI. Manakala data inferensi, iaitu perbezaan antara persepsi pelajar terhadap pengajaran

dan pembelajaran guru, keperibadian, kemahiran guru Pendidikan Islam dan motivasi pelajar dari segi sekolah, tingkatan, jantina, pendidikan ibu, pendidikan bapa, pendapatan ibu bapa, tahap penghayatan solat, tahap penghayatan bacaan al-Quran, penguasaan pembacaan dan tulisan jawi, dan keputusan peperiksaan akhir tahun yang terakhir serta hubungan antara pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, kemahiran, kaedah pengajaran dan pembelajaran, bahan bantu mengajar (BBM) serta tempat pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar.

Dapatan Deskriptif

Jadual 1 : Persepsi pelajar terhadap tahap pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam di sekolah

Kod	Purata & jumlah mengikut sekolah	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	Purata
Pengajaran dan pembelajaran (P&P) GPI	Min	3.78	3.90	4.02	3.83	3.69	3.91	4.06	3.57	3.84
	SP	0.91	0.79	0.79	0.88	0.92	0.86	0.80	0.93	0.91
	N	40	57	40	50	53	42	49	50	381

Merujuk kepada Jadual 1, secara keseluruhannya, semua responden setuju bahawa tahap pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam di sekolah adalah di tahap yang tinggi. Ini dibuktikan oleh nilai purata min yang tinggi, melebihi 3.34, dan nilai purata sisihan piawai yang rendah, kurang daripada 1.0, iaitu masing-masing ialah 3.84 dan 0.91. Justeru itu, pengajaran yang berkesan merupakan perkara yang amat penting dalam bidang perguruan selaras dengan usaha melahirkan pelajar yang berkualiti. Istilah pengajaran menarik atau berkesan adalah sesuatu yang sukar diberikan definisi atau pengertian yang tepat kerana kedua-duanya berbeza mengikut persepsi dan keadaan seseorang. Namun secara ringkasnya dapatlah dinyatakan bahawa P&P yang berkesan yang ditentukan melalui

beberapa aspek tertentu antaranya ialah perancangan pengajaran, pengurusan bilik darjah, gaya dan strategi pengajaran, kaedah penilaian pengajaran, menjaga hubungan baik guru dan pelajar serta pengaplikasian teknologi dalam P&P (Ahmad Mohd Salleh, 2008; Rahil Mahyuddin *et al.*, 2009; Lucas & Bernstein, 2005; Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003; Abdull Sukor Shaari, 2008; Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Mohd Sahandri Gani *et al.*, 2010; Noriati A. Rashid *et al.*, 2010; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2011).

Jadual 2 : Persepsi pelajar terhadap tahap keperibadian guru Pendidikan Islam di sekolah

Kod		S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	Purata
Keperibadian GPI	Min	3.94	4.03	4.13	4.05	3.72	4.06	4.18	3.73	3.97
	SP	0.84	0.74	0.67	0.83	0.88	0.91	0.72	0.93	0.89
	N	40	57	40	50	53	42	49	50	381

Keperibadian juga merupakan ukuran dalam menentukan ciri GPI dengan ketinggian akhlak dan peribadi yang ditonjolkan selain daripada aspek P&P. Sifat keperibadian yang baik merupakan aset penting kepada seseorang guru terutamanya GPI agar dapat dijadikan contoh teladan dan juga mempunyai pengaruh yang besar kepada minda dan jiwa pelajar (Ab. Halim Tamuri & Kamarul Azmi Jasmi, 2011: 73). Hal ini bertepatan dan selari dengan hasil dapatan yang telah diperolehi di S1- S8. Merujuk kepada Jadual 2, secara keseluruhannya, semua responden pelajar bersetuju bahawa tahap keperibadian guru Pendidikan Islam di sekolah adalah berada di tahap yang tinggi. Hal ini dibuktikan oleh nilai purata min yang tinggi dan nilai purata sisihan piawai, iaitu masing-masing ialah 3.97 dan 0.89. Secara keseluruhannya terdapat tiga aspek utama yang dibincangkan dalam bahagian keperibadian ini, iaitu keperibadian terhadap Allah SWT, keperibadian terhadap diri sendiri dan keperibadian kepada pelajar.

Jadual 3 : Persepsi pelajar terhadap tahap kemahiran guru Pendidikan Islam di sekolah

Kod		S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	Purata
Purata & jumlah mengikut sekolah	Min	4.02	4.26	4.48	4.15	3.65	4.08	4.41	3.78	4.09
	SP	0.81	0.79	0.65	0.85	0.94	0.85	0.68	0.85	0.88
	N	40	57	40	50	53	42	49	50	381

Merujuk kepada Jadual 3, secara keseluruhannya, semua responden setuju bahawa tahap kemahiran guru Pendidikan Islam di sekolah adalah di tahap yang tinggi. Hal ini dibuktikan oleh nilai purata min yang tinggi, melebihi 3.34, dan nilai purata sisihan piawai yang rendah, kurang daripada 1.0, iaitu masing-masing ialah 4.09 dan 0.88.

Motivasi pelajar	Pengajaran dan Pembelajaran	
	Korelasi Pearson (r)	0.470
	Sig. (p)	.000
	N	381
Motivasi pelajar	Keperibadian Guru	
	Korelasi Pearson (r)	0.551
	Sig. (p)	.000
	N	381
Motivasi pelajar	Kemahiran Mengajar	
	Korelasi Pearson (r)	0.501
	Sig. (p)	.000
	N	381

Hubungan P&P, Kepribadian & Kemahiran GPI dengan Motivasi Pelajar 87

		Bahan Bantu Mengajar
Motivasi pelajar	Korelasi Pearson (r)	.296.
	Sig. (p)	.000.
	N	381
		Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran
Motivasi pelajar	Korelasi Pearson (r)	.375.
	Sig. (p)	.000.
	N	381
		Tempat Pembelajaran
Motivasi pelajar	Korelasi Pearson (r)	.041.
	Sig. (p)	.430.
	N	381

Keadaan ini menunjukkan bahawa kemahiran merupakan elemen penting yang perlu ada pada setiap insan yang bergelar guru terutamanya GPI. Kemahiran yang dimiliki oleh seseorang GPI juga menjadi ukuran dalam menentukan ciri GPI yang berkesan selain aspek P&P dan keperibadian (al-Ghazali t.th; Dunkin & Biddle, 1974; Kamarul Azmi Jasmi, 2010).

Kemahiran GPI ini dapat dibahagikan kepada beberapa aspek utama, iaitu kemahiran ICT, kemahiran berkomunikasi, kemahiran seni, kemahiran berbahasa, kemahiran mengurus. Dapatan analisis kajian menunjukkan bahawa kesemua responden pelajar beresetuju bahawa GPI di S1-S8 sememangnya mempunyai kemahiran ICT seperti cekap menggunakan komputer, peralatan Cd atau DVD dan juga cekap menggunakan internet selain mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan baik samada semasa proses P&P mahupun

di luar waktu P&P (Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Mohd Sahandri Gani, 2010; Abdull Sukor Shaari, 2008).

Perkembangan dan peningkatan dalam bidang pendidikan ini berpunca dari pelbagai aspek antaranya ialah faktor kejayaan seseorang individu yang terkesan dari aspek motivasi. Hal ini kerana, motivasi merupakan perkara atau benda yang merangsang, mendorong, mengarah dan mengekalkan tingkah laku manusia dalam melakukan aktiviti ataupun tindakan dalam hidup mereka (Baharom Mohammad & Ilyas Hashim 2011). Motivasi merupakan salah satu aspek penting dalam pembangunan dan kecemerlangan pelajar sekali gus memberikan kesan positif dalam pencapaian akademik pelajar. Pelajar yang bermotivasi adalah pelajar yang menaruh minat untuk belajar dan berubah. Mereka mendengar dan memberi sepenuh perhatian kepada pelajaran serta aktif di dalam dan diluar kelas selain bersedia menerima arahan daripada guru.

Jadual 4 : Tahap motivasi pelajar di bawah penyeliaan guru Pendidikan Islam

Kod		S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	Purata
Tahap motivasi pelajar	Min	3.76	4.14	3.56	3.60	3.47	3.64	3.67	3.37	3.66
	SP	0.93	0.84	0.84	0.94	0.97	0.89	0.88	1.01	0.91
	N	40	57	40	50	53	42	49	50	381

Daripada keadaan inilah akan lahirnya pelajar yang berkualiti (Baharom Mohd & Ilyas Hashim, 2011). Selain itu kesedaran dalaman diri pelajar ini juga merupakan salah faktor yang akan membawa kepada perubahan dan kejayaan (Baharom Mohd & Ilyas Hashim, 2011, Kamarul Azmi Jasmi *et al.*, 2011). Keadaan ini sejajar dengan dapatan analisis kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 4, secara keseluruhannya, semua responden setuju bahawa

tahap motivasi pelajar terhadap Pendidikan Islam di sekolah adalah di tahap yang tinggi. Hal ini dibuktikan oleh nilai purata min yang tinggi, melebihi 3.34, dan nilai purata sisihan piawai yang rendah, kurang daripada 1.0, iaitu masing-masing ialah 3.66 dan 0.91.

Dapatan Inferensi

Perbincangan berkaitan dapatan inferensi dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu perbezaan dan hubungan antara pemboleh-ubah yang telah ditentukan.

Dapatan perbezaan

Secara keseluruhan, analisis statistik inferensi menggunakan ANOVA (jadual 5) dan ujian T (jadual 6) menunjukkan wujudnya pola perbezaan yang signifikan bagi pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, kemahiran guru Pendidikan Islam dan motivasi pelajar dari segi sekolah, tingkatan, pendidikan ibu, pendidikan bapa, pendapatan ibu bapa, tahap penghayatan solat, tahap penguasaan tulisan. Manakala analisis kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi beberapa aspek Jantina, tahap penghayatan bacaan al-Quran, tahap pembacaan jawi serta keputusan peperiksaan akhir tahun.

Jadual 5: Analisis ANOVA

				Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
sekolah	Pengajaran dan Pembelajaran	Antara Kuasa Dua	15.360	8	2.190	15.452	.000	
		Dalam Kuasa Dua	62.970	373	142			
	Keperibadian Guru	Antara Kuasa Dua	68.357	381	2.152	12.012	.000	
		Dalam Kuasa Dua	15.074	8	149			
	Kemahiran Mengajar	Antara Kuasa Dua	33.304	373	4.206	18.315	.000	
		Dalam Kuasa Dua	68.578	381	235			
Motivasi Pelajar	Antara Kuasa Dua	20.144	8	2.985	14.629	.000		
	Dalam Kuasa Dua	87.700	373	202				
		Jumlah	117.844	381				

			Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
tingkatan	Pengajaran dan Pembelajaran	Antara Kuasa Dua	6301	8	3.151	19.290	.900
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	62.029	378	.164		
	Keperibadian Guru	Antara Kuasa Dua	7249	8	3.625	22.331	.900
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	61.331	378	.162		
	Kemahiran Mengajar	Antara Kuasa Dua	68.578	8	8.570	37.143	.900
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	100.704	378	.266		
Motivasi Pelajar	Antara Kuasa Dua	117.847	8	1.678	6.671	.001	
	Dalam Kuasa Dua Jumlah	3.956	378	.246			

			Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Pendidikan bapa	Pengajaran dan Pembelajaran	Antara Kuasa Dua	3.788	6	.658	3.797	.037
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	65.943	375	.173		
	Keperibadian Guru	Antara Kuasa Dua	4.962	6	.992	5.850	.039
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	63.016	375	.172		
	Kemahiran Mengajar	Antara Kuasa Dua	9.456	6	1.831	6.543	.039
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	108.388	375	.283		
Motivasi Pelajar	Antara Kuasa Dua	117.844	6	1.981	6.177	.039	
	Dalam Kuasa Dua Jumlah	7.320	375	.257			

			Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Pendidikan bapa	Pengajaran dan Pembelajaran	Antara Kuasa Dua	3.788	6	.658	3.797	.037
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	65.943	375	.173		
	Keperibadian Guru	Antara Kuasa Dua	4.962	6	.992	5.850	.039
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	63.616	375	.170		
	Kemahiran Mengajar	Antara Kuasa Dua	9.456	6	1.831	6.543	.039
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	108.388	375	.283		
Motivasi Pelajar	Antara Kuasa Dua	117.844	6	1.981	6.177	.039	
	Dalam Kuasa Dua Jumlah	7.320	375	.257			

			Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Pendidikan ibu	Pengajaran dan Pembelajaran	Antara Kuasa Dua	3.524	7	.707	4.106	.031
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	64.903	374	.173		
	Keperibadian Guru	Antara Kuasa Dua	7.128	7	.478	3.339	.037
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	66.423	374	.178		
	Kemahiran Mengajar	Antara Kuasa Dua	68.651	7	1.628	5.337	.039
		Dalam Kuasa Dua Jumlah	109.673	374	.291		
Motivasi Pelajar	Antara Kuasa Dua	117.843	7	1.385	4.040	.031	
	Dalam Kuasa Dua Jumlah	20.954	374	.244			

Hubungan P&P, Kepribadian & Kemahiran GPI dengan Motivasi Pelajar 91

				Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Pendapatan ibu bapa	Pengajaran Pembelajaran	Guru	Antara Kemahiran	8,087	4	0,00	5,935	0,0
			Dalam Kemahiran	65,264	377	1,73		
			Jumlah	88,381	381			
	Keperibadian Guru	Antara Kemahiran	2,373	4	948	5,468	0,0	
		Dalam Kemahiran	85,785	377	1,71			
		Jumlah	88,578	381				
Kemahiran Mengajar	Antara Kemahiran	5,481	4	877	6,781	0,0		
	Dalam Kemahiran	112,062	377	2,98				
	Jumlah	117,844	381					
Motivasi Pelajar	Antara Kemahiran	6,241	4	1,08	1,396	0,3		
	Dalam Kemahiran	92,918	377	2,47				
	Jumlah	96,187	381					

				Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Tahap penghayatan nilai	Pengajaran Pembelajaran	Guru	Antara Kemahiran	7,624	4	2,64	12,781	0,0
			Dalam Kemahiran	66,767	377	1,81		
			Jumlah	68,321	381			
	Keperibadian Guru	Antara Kemahiran	6,099	4	2,02	12,065	0,0	
		Dalam Kemahiran	62,171	377	1,65			
		Jumlah	68,578	381				
Kemahiran Mengajar	Antara Kemahiran	14,777	4	4,75	17,934	0,0		
	Dalam Kemahiran	103,567	377	2,75				
	Jumlah	117,844	381					
Motivasi Pelajar	Antara Kemahiran	2,172	4	1,72	7,141	0,0		
	Dalam Kemahiran	91,624	377	2,41				
	Jumlah	96,187	381					

				Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Tahap pembacaan al-Quran	Pengajaran Pembelajaran	Guru	Antara Kemahiran	3,906	5	925	5,658	0,0
			Dalam Kemahiran	64,806	376	1,71		
			Jumlah	67,787	381			
	Keperibadian Guru	Antara Kemahiran	3,519	5	1,22	7,008	0,0	
		Dalam Kemahiran	64,700	376	1,72			
		Jumlah	68,452	381				
Kemahiran Mengajar	Antara Kemahiran	2,460	5	800	3,608	0,0		
	Dalam Kemahiran	115,828	376	3,07				
	Jumlah	117,924	381					
Motivasi Pelajar	Antara Kemahiran	1,776	5	1,82	2,827	0,0		
	Dalam Kemahiran	94,267	376	2,57				
	Jumlah	96,076	381					

				Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Tahap pengimaman tulisan jawi	Pengajaran Pembelajaran	Guru	Antara Kemahiran	3,725	2	3,725	2,859	0,0
			Dalam Kemahiran	64,806	378	1,70		
			Jumlah	68,321	380			
	Keperibadian Guru	Antara Kemahiran	2,829	2	2,829	16,220	0,0	
		Dalam Kemahiran	65,758	378	1,74			
		Jumlah	68,578	380				
Kemahiran Mengajar	Antara Kemahiran	2,062	2	2,062	6,759	0,0		
	Dalam Kemahiran	111,082	378	2,91				
	Jumlah	117,844	380					
Motivasi Pelajar	Antara Kemahiran	1,745	2	1,745	7,003	0,0		
	Dalam Kemahiran	94,451	378	2,46				
	Jumlah	96,197	380					

				Jumlah Kuasa Dua	df	Min. Kuasa Dua	F	Sig.
Tahap penguasaan bahasa jawi	Pengajaran dan Pembelajaran	Ucun	Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	41.186	9	1.158	6.418	0.02
	Keperibadian Guru	Ucun	Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	57.153	379	1.177		
			Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	58.311	380			
	Kemahiran Mengajar	Ucun	Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	59.613	379	1.178	4.393	0.01
			Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	58.578	380			
Motivasi Pelajar	Ucun	Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	11.7365	379	3.10	1.013	1.88	
		Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	11.7844	380				
				60.4	2	0.64	2.00	0.17
				26.113	379	2.54		
				36.189	380			

				Jumlah Kuasa Dua	df	Min. Kuasa Dua	F	Sig.
Tahap grad subjek Pendidikan Islam	Pengajaran dan Pembelajaran	Ucun	Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	6.830	9	1.166	8.578	0.00
	Keperibadian Guru	Ucun	Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	59.007	379	1.60		
			Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	61.557	381			
	Kemahiran Mengajar	Ucun	Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	61.395	379	1.119	5.816	0.00
			Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	63.323	372	1.63		
Motivasi Pelajar	Ucun	Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	61.319	381				
		Antara Kemungkinan Dalam Kemungkinan Juralite	10.044	9	2.021	7.334	0.00	
				101.578	372	2.75		
				111.782	381			
				2.267	9	4.4	1.704	1.10
				90.931	372	2.45		
				92.933	381			

Jadual 6 : Ujian T

		t	df	Sig.
Jantina	Pengajaran dan Pembelajaran	2.088-	377	037.
	Keperibadian Guru	2.193-	377	029.
	Kemahiran Mengajar	4.057-	377	000.
	Motivasi Pelajar	888.	377	375.

** . Hubungan adalah signifikan pada tahap 0.01 (p).

Dapatan korelasi

Jadual 7 : Korelasi antara motivasi pelajar dengan pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, kemahiran, penggunaan BBM, kaedah dan teknik serta tempat P&P oleh GPI.

Hasil analisis kajian dalam jadual 7 di atas menunjukkan nilai $p = 0.000$, iaitu kurang daripada nilai $\alpha = 0.01$. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran dan pembelajaran

guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar. Nilai pekali Korelasi Pearson (r) yang diperolehi ialah 0.470 dan ini bermakna hubungan tersebut adalah sederhana. Nilai pekali korelasi, r positif menunjukkan hubungan antara pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar adalah hubungan secara langsung. Manakala hasil analisis jadual 7 juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keperibadian guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar. Nilai pekali Korelasi Pearson (r) yang diperolehi ialah 0.551 dan ini bermakna hubungan tersebut adalah kukuh. Nilai pekali korelasi, r positif menunjukkan hubungan antara keperibadian guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar adalah hubungan secara langsung. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Kamarul Azmi Jasmi *et al.*, (2009) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keperibadian guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dengan motivasi pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Selain itu hasil analisis jadual 7 di atas juga menunjukkan nilai $p = 0.000$, iaitu kurang daripada nilai $\alpha = 0.01$. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar. Nilai pekali Korelasi Pearson (r) yang diperolehi ialah 0.501 dan ini bermakna hubungan tersebut adalah kukuh. Nilai pekali korelasi, r positif menunjukkan hubungan antara kemahiran guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar adalah hubungan secara langsung. Di samping itu dapatan analisis di atas turut menunjukkan nilai $p = 0.000$, iaitu kurang daripada nilai $\alpha = 0.01$. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara bahan bantu mengajar subjek Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar. Nilai pekali Korelasi Pearson (r) yang diperolehi ialah 0.296 dan ini bermakna hubungan tersebut adalah rendah. Nilai pekali korelasi, r positif menunjukkan hubungan antara bahan bantu mengajar subjek Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar adalah hubungan secara langsung.

Hasil analisis jadual 4.32 di atas menunjukkan nilai $p = 0.000$, iaitu kurang daripada nilai $\alpha = 0.01$. Hal ini menunjukkan, terdapat

hubungan yang signifikan antara kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar. Nilai pekali Korelasi Pearson (r) yang diperolehi ialah 0.375 dan ini bermakna hubungan tersebut adalah sederhana. Nilai pekali korelasi, r positif menunjukkan hubungan antara kaedah pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar adalah hubungan secara langsung. Walaubagaimanapun, Hasil analisis jadual di atas turut menunjukkan nilai $p = 0.430$, iaitu lebih daripada nilai $\alpha = 0.01$. Hal ini menunjukkan tiada hubungan yang signifikan antara tempat pembelajaran subjek Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar.

Secara keseluruhannya, dapatan analisis dalam kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan agak kukuh antara pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, kemahiran, kaedah pengajaran dan penggunaan BBM oleh GPI dengan motivasi pelajar kecuali penggunaan tempat selain kelas semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) oleh GPI sahaja yang tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi pelajar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya hasil dapatan data menunjukkan bahawa tahap pengajaran dan pembelajaran, keperibadian dan kemahiran guru Pendidikan Islam serta tahap motivasi pelajar di sekolah adalah berada di tahap yang tinggi. Justeru itu, pengajaran yang berkesan merupakan perkara yang amat penting dalam bidang perguruan selaras dengan usaha melahirkan pelajar yang berkualiti. Selain itu keperibadian dan kemahiran juga merupakan ukuran dalam menentukan ciri GPI dengan ketinggian akhlak dan peribadi yang ditonjolkan selain daripada aspek P&P. Motivasi merupakan salah satu aspek yang penting dalam pembangunan dan kecemerlangan pelajar sekaligus dapat memberikan imapak dan kesan yang positif dalam pencapaian akademik pelajar. Hal ini kerana, pelajar yang bermotivasi

adalah pelajar yang menaruh minat untuk belajar dan berubah serta mereka mendengar dan memberi sepenuh perhatian kepada pelajaran serta aktif di dalam dan diluar kelas selain bersedia menerima arahan daripada guru.

Selain hasil dapatan deskriptif, terdapat juga perbincangan dapatan inferensi yang membincangkan perbezaan dan juga hubungan yang wujud antara pemboleh tersebut. Secara keseluruhan, analisis statistik inferensi menunjukkan wujudnya pola perbezaan yang signifikan bagi pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, kemahiran guru Pendidikan Islam dan motivasi pelajar dari segi sekolah, tingkatan, pendidikan ibu, pendidikan bapa, pendapatan ibu bapa, tahap penghayatan solat, tahap penguasaan tulisan. Manakala analisis kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi beberapa aspek jantung, tahap penghayatan bacaan al-Quran, tahap pembacaan jawi serta keputusan peperiksaan akhir tahun. Dapatan analisis dalam kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan agak kukuh antara pengajaran dan pembelajaran, keperibadian, kemahiran, kaedah pengajaran dan penggunaan BBM oleh GPI dengan motivasi pelajar kecuali penggunaan tempat selain kelas semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) oleh GPI sahaja yang tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi pelajar.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri *et al.*, 2004; Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaludin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak. 2004. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Ke Atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan: UKM
- Abdull Sukor Shaari. 2008, *Guru Berkesan Petua dan Panduan*, Sintok, penerbit UUM
- Ahmad Mohd Salleh, 2008, *Pengajian Agama Islam & J-Qaf Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*, Selangor : Oxford Fajar

- Al- Ghazali imam Abu Hamid. t.th. Ihya' ulum al- din. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi pembelajaran penagturan sendiri pendidikan islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis doktor falsafah, UKM
- Baharom Mohammad & Iliyas Hashim, 2011. *Bagaimana Memotivasi Pelajar*, cetakan kedua, kuala lumpur, PTS
- Dunkin M. J. dan Biddle B. J. 1974. *The Study of Teaching*. New York: Holt, Renehart and Winston
- Fathi Yakan, 2008 *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, Selangor, Dewan Pustaka Fajar
- Hashim Bedu, Khairulhelmi Katip, Mohd Fahmi Mohd Sahid dan Syed Mohamed Syafeq Syed Mansor. 2008. *Keruntuhan Akhlak dan Gejala Sosial dalam Keluarga: Isu dan Cabaran*. Seminar Kaunseling Keluarga, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamaruddin Hussin & Siti Hajar Abdul Aziz, 2003. *Pedagogi Untuk Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2011. Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran. Cetakan Keempat, Johor: UTM
- Kamarul Azmi Jasmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh, 2007; *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*, Johor, UTM
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2009. *Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya dengan Motivasi Pelajar*. Jurnal Teknologi 51(E): 57- 71
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia*. Journal of Islamic & Arabic Education 3(1), 59-74
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis doktor falsafah, UKM.
- Lucas S. G. dan Bernstein D. A. 2005. *Teaching Psychology A Step By Step*

- Guide*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates
- Luqmanul Hakim Abd. Rahman. 2009. *Siri Pendidikan Anak-anak (siri 6)*. Majlis Agama Islam Johor.
- Mohd Arif Ismail, Paridon Sahid dan Rosnaini Mahmud. 2007. *Integrasi ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran : Isu dan Cabaran Ke Arah Pendidikan Bertaraf Dunia*. Norlena Salamuddin et al. (pnyt.) dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara Ketiga : Dasar dan Pelaksanaan Ke Arah Pengukuhan Hala Tuju Dasar Pendidikan Negara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia: 227- 232
- Mohd Sahandri Gani Hamzah, Ramli Basri dan Shafee Mohd Daud 2010: *Karakter Guru Ilmu Diagung Guru Disanjung*, Selangor, Utusan Publications
- Mohd Shatar Sabran, Jasni Sabri dan Azali Mohamed. 2006. *Tip Pendidik Cemerlang*. Selangor, Utusan Publications.
- Nasih Ulwan. Abdullah. 2000. *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. jilid 1-3. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Wong Kiet Wah 2010. *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru (Siri Pendidikan Guru)*, Fajar,
- Rahil Mahyuddin, Habibah Elias dan Kamariah Abu Bakar 2009, *Amalan Pengajaran Berkesan (Siri Pendidikan Guru)*, Shah Alam,
- Ratna Roshida Abd. Razak dan Nik Haslinda Nik Hussain. 2007. *Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun*. Jurnal Kemanusiaan, bil. 9
- Rohani Arbaa, Hazril Jamil dan Nordin Abd. Razak. 2010. *Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar : Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar?*. Jurnal Pendidikan Malaysia 35(2): 61-69
- Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit dan Ermy Azziaty Rozali. 2010. *Methods of Increasing Learning Motivation Among Students*. Procedia Social And Behavioral Sciences 18: 138-148
- Sivakumar a/l Balakrishnan. 2009. *Kualiti Pengajaran Guru Lulusan PKPG dan Space UTM dalam Matapelajaran KHB di Sekolah*

Menengah Negeri Johor. Tesis Sarjana, UTM

Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. 2010. *Guru dan Cabaran Semasa*. Selangor : Penerbitan Multimedia.

Wan Ismail Wan Dagang. 2009. *Hubungan antara Pelaksanaan Ibadah Solat dan Kecerdasan Emosi dengan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian di dalam Satu Sekolah di Daerah Segamat*. Tesis Sarjana. UTM